

TARIKH : 21/1/2023

SURAT KHABAR : UTUSAN

MUKA SURAT : 2

...

RM87.9j dana Penjana Kerjaya diseleweng

Dari muka 1

Mengulas lanjut, kata Hishamuddin, meskipun ramai suspek telah didakwa, siasatan ke atas isu ini tidak akan berakhir di sini sahaja.

Beliau menjangka, lebih ramai suspek akan didakwa dalam masa terdekat selepas siasatan ke atas mereka selesai.

“Siasatan masih diteruskan bagi mengesan individu-individu atau syarikat-syarikat yang disyaki terlibat melakukan jenayah rasuah, pemalsuan dokumen dan penipuan bagi mendapatkan dana kerajaan di bawah Program Penjana Kerjaya.

“Fokus siasatan adalah syarikat-syarikat yang disyaki melakukan jenayah rasuah, pemalsuan dokumen dan penipuan bagi mendapatkan dana kerajaan di bawah program ini.

“SPRM juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang terlibat dalam kes ini,” jelasnya.

Di samping itu juga, tambah beliau, sektor pencegahan melalui fungsi pemeriksaan dan perundungan juga akan menuju kepada penelitian amalan, sistem dan tatacara agensi-agensi awam terutamanya yang terlibat dengan pengurusan dana atau geran kerajaan bagi menutup ruang dan peluang berlakunya jenayah.

Untuk rekod, siasatan yang dijalankan melibatkan kolaborasi strategik antara SPRM ber-



TIGA peniaga mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh, Selasa lalu atas tuduhan kemula dokumen palsu tuntutan insentif Program Penjana Kerjaya 2.0. - UTUSAN/SYAFEEQ AHMAD

sama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Jumlah peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan untuk Program Penjana Kerjaya ini adalah RM3.5 bilion dalam tiga peringkat iaitu Penjana Kerjaya 1.0 bermula 1 Jun 2020 sehingga 20 Disember 2020, diikuti Penjana Kerjaya 2.0 (21 Disember 2020 sehingga 30 Jun 2021),

dan Penjana Kerjaya 3.0 (fasa pemulihian) iaitu dari 15 Jun 2021 sehingga 31 Disember ini.

Objektif pemberian dana Program Penjana Kerjaya ini oleh kerajaan adalah untuk merangsang ekonomi semasa tempoh pandemik Covid-19 melalui Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan Pekerja.